



**KERAJAAN MALAYSIA**  
**JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN**  
**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**  
**IKLAN PRA KELAYAKAN KONTRAKTOR**

1. Kerajaan Malaysia berhasrat mempelawa tender dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui Pra Kelayakan untuk **Kemudahan Rawatan Enapcemar Di Cameron Highlands, Pahang (Reka dan Bina)**.

**No. Tender : PETRA/JPP/CAMERON/SCC/2025/PreQ03**

2. **KETERANGAN AM KERJA**

Lokasi tapak bina terletak di **Cameron Highlands, Pahang**.

Skop kerja bagi projek ini merangkumi **general & preliminaries, design & build element, merekabentuk dan membina fasiliti rawatan enapcemar menggunakan Geo-bag TrayWith Filtrate Tank, pemasangan pagar sempadan tapak rizab, jambatan, jalan keluar masuk, pondok pengawal dan tandas serta kerja-kerja lain yang berkaitan.**

Kerja dijangka akan dimulakan dalam bulan **Disember 2025** dan tempoh penyiapan adalah **36 bulan**.

3. **SYARAT-SYARAT UNTUK PRA KELAYAKAN**

Permohonan Pra Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut :-

**i) Pendaftaran Kontraktor**

- a) Kontraktor hendaklah mempunyai pendaftaran seperti berikut;

- (i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam

Gred : G6

Kategori : CE (Kejuruteraan Awam)

Pengkhususan : CE19 (Sistem Pembetungan)  
CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)

**ATAU**

- (ii) Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Sarawak (UPKJ) dalam Kelas A, Kepala I dan Sub-Kepala 1, Kepala IV dan Sub-Kepala 3 dan PPK

**ATAU**

- (iii) Pusat Pendaftaran Kontraktor - Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) Dalam Kelas A di Bawah Tajuk I dan Tajuk Kecil 1 & 5 dan PPK

**DAN**

- (iv) Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang sah dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).
- (v) Mempunyai Sijil SCORE CIDB yang masih sah dengan minimum 3 Bintang.

Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dari menyertai tender TIDAK LAYAK untuk menyertai Pra Kelayakan ini.

Setiap pendaftaran seperti di perenggan (i), (ii), (iii), (iv) dan (v) hendaklah masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan dari tarikh tutup pra kelayakan.

**ii) Keupayaan Kontraktor**

a) **Keupayaan Kewangan**

Mempunyai *Nett Worth* **melebihi 20% x NTBK** atau Modal Pusingan (*Working Capital*) **melebihi 10% x NTBK** atau Modal Mudah Cair **melebihi 3% x NTBK**.

b) **Keupayaan Teknikal**

- Telah melaksanakan projek-projek pembinaan dalam kategori yang sama dengan Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja tertinggi **tidak kurang dari 30% x Nilai Tahunan Bebanan Kerja (NTBK)** dalam sesuatu tahun bagi tempoh lima (5) tahun lepas. Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja adalah jumlah terkumpul nilai kerja projek-projek yang telah dilaksanakan atau disiapkan dalam sesuatu tahun.
- Tidak mempunyai kerja semasa yang ‘sakit’ serta bebas daripada rekod prestasi yang tidak memuaskan dari segi tempoh penyiapan dan kualiti kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dalam tempoh lima (5) tahun lalu.

**iii) Perunding Kontraktor**

Kontraktor hendaklah melantik perunding-perunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (*independent and not in-house consultants*) seperti berikut :-

- a) Berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkenaan.
- b) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
- c) Berdaftar dengan SPAN sebagai *Qualified Person* selaras dengan Seksyen 47(7) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655)
- d) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia / Pejabat Pendaftar Syarikat

- e) Kontraktor perlu mengemukakan “*Declaration Letter*” bagi mengesahkan perunding yang dilantik adalah daripada syarikat perunding yang bebas.
4. Dokumen Pra Kelayakan boleh diperolehi di pejabat **Kaunter Jualan Tender, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Blok B, Aras 3, Suasana PjH, No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 WP Putrajaya** dari **20 Mac 2025 (Khamis)** sehingga **27 Mac 2025 (Khamis)** semasa waktu pejabat (**waktu operasi kaunter jualan dokumen tender : Isnin – Khamis (8.30 pagi – 12.30 tengah hari & 2.00 petang – 3.00 petang) dan Jumaat (8.30 pagi – 12.15 tengah hari & 2.30 petang – 3.00 petang)**).
- Dokumen Pra Kelayakan akan hanya dikeluarkan kepada wakil atau ejen kontraktor yang diberi kuasa sahaja. Wakil atau ejen dikehendaki mengemukakan bukti pendaftaran di perenggan 3 (i)(a) dengan menunjukkan sijil/perakuan pendaftaran ASAL dan mengemukakan sesalinan (1) fotokopi sijil/perakuan pendaftaran tersebut untuk tujuan pembelian dokumen Pra Kelayakan.
5. Harga dokumen ialah **RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja)** senaskah dan hendaklah dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atau Draf Bank di atas nama **Akauntan Negara Malaysia** dan dipalang ‘Akaun Pembayar Sahaja’. Yuran dokumentasi ini tidak akan dikembalikan.
6. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dengan dinyatakan nama projek dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat berikut :-

**Peti Tender 4, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Blok B, Aras 3, Suasana PjH, No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 WP Putrajaya tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada 24 April 2025 (Khamis).**

